

KEMPEN Shop Je, Dapat RM5!

TERMA & SYARAT

Kempen “**Shop Je, Dapat RM5!**” [“Kempen”] dianjurkan oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001018812 (5291419-K)) (“Lotus’s”) (“Penganjur”).

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang:
 - Melakukan transaksi dengan perbelanjaan minimum RM80 dalam satu resit di Lotus’s Ampang sepanjang Tempoh Kempen (“Peserta”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari **23 Jul 2026 , jam 8.00 pagi hingga 16 September 2026, jam 11:59 malam (Waktu Malaysia)**. (“Tempoh Kempen”). Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen akan ditolak dan dianggap tidak sah.
3. Hanya transaksi yang dilakukan di cawangan fizikal Lotus’s Ampang layak untuk Kempen tersebut.
4. Sekiranya atas apa jua sebab (termasuk tetapi tidak terhad kepada) Kempen ini tidak dapat berjalan seperti yang dirancang, contohnya disebabkan oleh virus komputer, pencerobohan (hacking), campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, sebarang tindakan kerajaan termasuk tetapi tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak, atas budi bicaranya sendiri, untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai, melanjutkan atau menggantung Kempen tersebut.

Mekanik Kempen

5. Untuk menyertai Kempen, Peserta mesti:
 - Peserta mestilah membuat pembelian minima RM80 dalam satu (1) resit di Lotus’s Ampang sepanjang Tempoh Kempen.
 - Maksimum 4 penyertaan bagi setiap nombor telefon adalah dibenarkan sepanjang Tempoh Kempen.
6. Peserta hendaklah menghantar resit pembelian dengan mengimbas Kod QR yang tertera pada mana-mana bahan kempen. Semasa proses penghantaran, peserta dikehendaki untuk:
 - Memberikan nama penuh

- Menjawab dengan betul satu soalan berkaitan kempen. Hanya penyertaan yang memberikan jawapan yang betul akan dianggap sah dan layak untuk menerima ganjaran di bawah Kempen ini; dan
- Memuat naik imej resit pembelian yang jelas. Imej resit hendaklah memaparkan SEMUA maklumat yang diperlukan dengan jelas serta mengikut contoh resit seperti yang ditunjukkan di bawah:



7. Penyertaan yang dibuat melalui Lotus's Shop Online (LSO) adalah tidak sah dan tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak. Hanya pembelian yang dibuat di cawangan fizikal Lotus's Ampang akan diiktiraf.
8. Setiap nombor telefon yang digunakan untuk pendaftaran penyertaan dihadkan kepada maksimum empat (4) penghantaran resit sepanjang Tempoh Kempen. Sebarang penyertaan tambahan yang melebihi had ini tidak akan diproses dan akan dianggap terbatal.

Hadiah

9. Penebusan harian adalah tertakluk kepada had penebusan harian dan akan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat sehingga kuota harian dipenuhi.

Kuota Harian

Minggu	Tarikh	Keluaran
1	23/7/2026	140
1	24/7/2026	170
1	25/7/2026	260
1	26/7/2026	260
1	27/7/2026	140
1	28/7/2026	140
1	29/7/2026	140
2	30/7/2026	140
2	31/7/2026	170
2	1/8/2026	260
2	2/8/2026	260
2	3/8/2026	140
2	4/8/2026	140
2	5/8/2026	140
3	6/8/2026	150
3	7/8/2026	190
3	8/8/2026	280
3	9/8/2026	280
3	10/8/2026	150
3	11/8/2026	150
3	12/8/2026	150
4	13/8/2026	160
4	14/8/2026	180
4	15/8/2026	290
4	16/8/2026	290
4	17/8/2026	160
4	18/8/2026	160
4	19/8/2026	160
5	20/8/2026	180
5	21/8/2026	220
5	22/8/2026	200
5	23/8/2026	200
5	24/8/2026	100
5	25/8/2026	200
5	26/8/2026	100
6	27/8/2026	100
6	28/8/2026	100
6	29/8/2026	200
6	30/8/2026	200
6	31/8/2026	200
6	01/09/2026	80
6	02/09/2026	80
7	03/09/2026	80
7	04/09/2026	80
7	05/09/2026	150

7	06/09/2026	120
7	07/09/2026	80
7	08/09/2026	80
7	09/09/2026	80
8	10/09/2026	80
8	11/09/2026	80
8	12/09/2026	100
8	13/09/2026	100
8	14/09/2026	80
8	15/09/2026	80
8	16/09/2026	150
Jumlah		8750

10. Pemenang akan menerima satu (1) eVoucher Lotus's bernilai RM5 bagi setiap penyertaan yang berjaya.



11. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai (jika berkenaan). Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara.
12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensinya, syarikat sekutu, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada Pertandingan ini.
13. Imej hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana bahan promosi, pengiklanan atau publisiti adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah sebenar. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal masing-masing (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti yang timbul akibat penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran hadiah, atau sebarang keadaan luar jangka yang berada di luar kawalan munasabah

Penganjur, mahupun sebarang tindakan atau kegagalan bertindak oleh vendor atau pembekal pihak ketiga.

Terma & Syarat e-Baucar RM5

16. Lotus's eBaucer boleh digunakan sebagai nilai setara tunai untuk pembelian di cawangan Lotus's Ampang sahaja.
17. Lotus's eBaucer tidak boleh ditukar atau ditebus (iaitu tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau eBaucer baharu).
18. Sekiranya nilai pembelian adalah kurang daripada nilai Lotus's eBaucer, baki nilai atau kredit gantian tidak akan diberikan.
19. Lotus's eBaucer boleh digunakan bersama kaedah pembayaran lain yang sah seperti wang tunai (mata wang yang sah diperlakukan), kad kredit, kad debit atau e-dompet.
20. Lotus's eBaucer hanya sah digunakan sehingga tarikh luput yang dinyatakan (30 Sept 2026).
21. Tiada lanjutan atau pembaharuan tempoh sah akan diberikan bagi Lotus's eBaucer.
22. Setiap Lotus's eBaucer hanya sah untuk satu (1) transaksi penebusan sahaja dan tidak boleh digunakan semula.
23. Semua Lotus's eBaucer tidak sah digunakan di Medan Selera atau mana-mana premis yang tidak dikendalikan secara langsung oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.
24. Lotuss Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk meminda, mengubah atau menambah mana-mana terma dan syarat Lotus's eBaucer pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta.ada Peserta.

Hak Penganjur

25. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan sebarang gambar dan/atau bahan lain yang diterima sepanjang Kempen (termasuk nama, alamat e-mel, nombor telefon, gambar dan sebagainya) bagi tujuan berkaitan Kempen serta tujuan pengiklanan, pemasaran dan komunikasi tanpa sebarang bayaran atau pampasan kepada Peserta, waris, penerima serah hak atau mana-mana pihak lain.
26. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Kempen ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa notis terlebih dahulu.

Dengan menyertai Kempen ini, semua Peserta bersetuju untuk terikat dengan Peraturan dan Syarat Kempen yang boleh didapati di [<https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/shop-je-dapat-rm5>]. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan maklumat yang dipaparkan dalam iklan atau bahan promosi,

Terma dan Syarat rasmi Kempen yang dipaparkan di laman web tersebut akan diguna pakai.

27. Penyertaan adalah tertakluk kepada Dasar Privasi dan Terma Penggunaan Am Lotus's yang boleh didapati di [<https://www.lotuss.com.my/en/mylotuss/privacy-policy>]. Dasar-dasar ini mengawal semua interaksi dengan platform digital Lotus's. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan berkaitan pengendalian data atau perkara am, dasar-dasar tersebut akan menjadi rujukan utama. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

28. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, caj dan/atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan penyertaan, penglibatan atau penerimaan sebarang manfaat atau hadiah) hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta/Pemenang. Penganjur, syarikat sekutunya atau ejen yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab terhadap kos, caj atau perbelanjaan tersebut.

29. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, syarikat sekutunya atau mana-mana pihak ketiga yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan penyertaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyertaan yang hilang, rosak, lewat diterima atau sebarang ralat teknikal.

30. Penganjur ingin mengingatkan Peserta supaya mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah apabila menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi semasa dan/atau selepas Kempen berlangsung. Penganjur juga menasihatkan Peserta untuk menghubungi Penganjur secara terus bagi tujuan pengesahan berkaitan Kempen ini.

Liabiliti dan Tanggungjawab

31. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta dan Pemenang hendaklah menanggung sepenuhnya segala liabiliti dan tanggungjawab yang timbul akibat kecuaiian atau salah laku yang disengajakan berkaitan penyertaan mereka dalam Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah, serta bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan yang timbul daripada liabiliti tersebut.

32. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan sekalipun, Penganjur atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk mana-mana agensi pihak ketiga yang dilantik bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Peserta berkaitan Kempen ini.

33. Pemenang bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta membayar segala cukai dan duti yang berkenaan. Pemenang

hendaklah mendapatkan nasihat percukaian yang sewajarnya berhubung implikasi cukai bagi hadiah Kempen. Sekiranya hadiah digunakan sebagai manfaat dalam bentuk barangan (benefit-in-kind), Pemenang mungkin tertakluk kepada liabiliti cukai peribadi. Lotus's tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai yang perlu dibayar oleh Pemenang berhubung hadiah yang dimenangi.

34. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi semua Terma dan Syarat ini serta segala keputusan yang dibuat oleh Penganjur.

35. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

Notis Privasi

36. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan dan memproses nama serta maklumat peribadi lain ("Data Peribadi") bagi tujuan pelaksanaan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau gambar Peserta di laman web Penganjur bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta juga memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk melantik penyedia perkhidmatan pihak ketiga bagi memproses Data Peribadi mereka. Semua pihak ketiga tersebut adalah terikat secara kontrak untuk tidak menggunakan Data Peribadi Peserta bagi apa-apa tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

37. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- a. Hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di butiran hubungan yang dinyatakan di bawah dengan memberikan Penganjur nama dan alamat e-mel Peserta untuk pengalihan Data Peribadi tersebut;
- b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Penganjur; dan
- c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.

38. Peserta boleh merujuk ke laman web Penganjur di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/shop-je-dapat-rm5> atau e-mel rakan pengurusan Kempen Lotus's, khidmat pelanggan J&C di support@jcpacific.com.my atau WhatsApp di 011-6974 3949 dari Isnin hingga Ahad, 8:00 pagi – 10:00 malam.

39. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan keselamatan Data Peribadi Peserta dan akan mewajibkan pemproses pihak ketiga untuk

menguruskan kempen ini. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

40. Sebarang perkara berkaitan Data Peribadi yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dikawal oleh dan ditangani dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan di Malaysia.